

## Adakah anda ingin tulisan anda dianalisa?

Untuk penganalisan ringkas (khas untuk peserta workshop, anda perlu menghantar:

- Sekurang2nya satu mukasurat sampel tulisan
- Tulis apa sahaja yang anda inginkan tetapi sebaik-baiknya secara spontan
- Sekiranya anda boleh menulis tulisan sambung dan tulisan sebiji2, sila hantar kedua2nya sekali
- Tambah ayat di bawah “Saya membenarkan tulisan saya dianalisa” dan tandatangan sepertimana yang biasa anda lakukan.
- Tulis tarikh

Anda boleh membuat pembayaran sebanyak RM100 melalui cek, money order, memasukkan terus ke akaun atau melalui kad kredit.

Cara pembayaran:

Cek  Masuk ke akaun  lain-lain \_\_\_\_\_

Akaun kami “**Amazing Writing Management**” - **501123147522, Maybank**

Anda juga boleh membuat pembayaran dengan kad kredit melalui paypal. Sila berikan emel anda untuk saya menghantar permintaan bayaran melalui paypal.

Alamat emel: \_\_\_\_\_

Saya ingin keputusan dihantar ke alamat:

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_

Bandar, negeri: \_\_\_\_\_

No. Tel.: \_\_\_\_\_

- Saya ingin membeli buku “Tulisan Cerminan Personaliti Diri” – RM 23.00
- Saya ingin membeli produk digital “Secret of Making Money with Positive Personality Revealed” (termasuk bonus yang ditawarkan) – RM100.00

## Latar belakang Penceramah:

Khadijah Ibrahim adalah seorang penganalisa tulisan bertauliah, penulis, “internet marketer, penceramah dan pengamal NLP.

Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia daripada University of Sheffield, United Kingdom. Beliau memulakan karier sebagai ahli kimia dan kemudiannya menjawat jawatan sebagai Pengurus QA dan akhirnya sebagai Pengurus Teknikal di International Paint Malaysia. Khadijah telah menggunakan penganalisan tulisan sebagai alat untuk mengenali personaliti pekerja baru yang bersesuaian ketika proses temuduga dijalankan. Beliau juga menggunakan penganalisan tulisan sebagai alat untuk memperbaiki para pekerja di bahagian QA.

Khadijah sekarang bertugas sebagai penceramah sepenuh masa dan beliau juga merupakan penceramah sambilan untuk beberapa syarikat yang menyediakan latihan dimana ceramah yang diberikan adalah dalam pelbagai aspek penganalisan tulisan. Beliau telah membina program-program latihan seperti Mengesan Ketidakjujuran Dalam Masa 10 Minit, Penganalisan Tulisan Dalam Pengambilan Pekerja Baru, Asas Penganalisan Tulisan Untuk Kaunselor, Memahami Diri Melalui Tulisan Anda, Adakah Anda Mengambil Pekerja Yang Tepat, 10 Kualiti Utama Yang Diinginkan Majikan dan banyak lagi program latihan lain.

Khadijah juga menulis buku tentang asas penganalisan tulisan seperti Tulisan Cerminan Personaliti Diri, “Simple Traits In Your Handwriting” dan “Secret Of Making Money With Positive Personality Revealed” yang berbincang tentang cara membina “online” bisnes yang berjaya dan membina personaliti yang positif

Khadijah juga menawarkan khidmat penganalisan tulisan untuk individu yang ingin mengenali lebih mendalam diri mereka atau orang yang disayangi, syarikat yang dalam proses mengambil pekerja baru dan membantu kaunselor dalam menyelesaikan isu yang dihadapi.



## Membongkar Rahsia Daripada Tulisan Anda

Disampaikan oleh:

**Khadijah Ibrahim**  
Amazing Writing Management,  
Petisurat 159,  
Pejabat Pos Malaysia,  
Majidee,  
81100 Johor Bahru,  
Johor.

Tel: 012-7260509 / 017-7680748

Emel: [khadijah@amazingwriting.com](mailto:khadijah@amazingwriting.com) or  
[H.analyst@gmail.com](mailto:H.analyst@gmail.com)

Website: <http://www.amazingwriting.com>

Blog: <http://www.khadijah-ibrahim.com>

*“Apa yang berada di belakang dan di hadapan kita adalah perkara kecil berbanding apa yang ada di dalam diri kita”*

– Ralph Waldo Emerson

Penganalisaan tulisan adalah alat yang sangat berguna yang boleh membantu memahami diri kita sebenarnya dan juga mereka yang disekeliling kita.

Tulisan anda menonjolkan banyak perkara tentang diri anda sama ada sifat yang anda tidak sedar anda miliki ataupun sifat yang anda sembunyikan.

Apabila anda memahami dengan mendalam diri sendiri, anda boleh memperbaiki diri dan

Tulisan akan menunjukkan personaliti si penulis, sifat tentu, apa yang ditakuti dan memberi anda kunci bagaimana mereka bertindak di dalam sesuatu keadaan. Oleh itu penganalisaan tulisan merupakan cara terbaik untuk memahami diri orang lain dengan lebih mendalam.

Pengalaman dalam bidang penganalisaan tulisan ini akan memberi anda kunci untuk mengetahui rahsia si penulis melalui tulisan mereka.

### Rahsia # 1

Adakah anda mengenali sesiapa yang menulis batang d dengan lengkungan?

Mereka yang menulis batang d dengan lengkungan, sensitif kepada kritikal terutamanya tentang penampilannya. Semakin besar lengkungan semakin kuat sensitifnya terhadap kritikan.

Sebaliknya pujian dan kata-kata semangat akan menaikkan semangat mereka dan membuat mereka gembira.

### Rahsia # 2

Adakah pasangan anda atau sesiapa yang anda sayangi menulis dengan kecondongan menegak?

*Company consultancies can be tightly or loosely tied to market and product units. This depends on their*

Sekiranya ya, anda akan mendapati mereka tidak mudah menunjukkan perasaan mereka. Malah sekiranya mereka marah, perasaan itu tidak akan ditunjukkan sehingga sampai ke satu tahap dimana mereka akan meletup dan tidak akan menyesal dengan apa yang mereka lakukan.

Meraka adalah orang yang tenang termasuk ketika dalam kecemasan.

Anda boleh mempengaruhi mereka untuk bersetuju dengan pendapat anda dengan membentangkan fakta dan perkara yang diterima akal mereka.

Mereka tidak melakukan sesuatu secara spontan. Mereka membuat keputusan mengikut fikiran dan kelogikan sesuatu perkara contohnya mereka tidak mudah dipengaruhi dalam membeli sesuatu.

Mereka tidak mudah terpengaruh mendengar kisah sedih kecuali sekiranya kisah tersebut boleh diterima akal mereka.

Anda sangka mereka tidak mempunyai perasaan tetapi sebenarnya mereka merasakan mereka tidak perlu menunjukkan perasaan tersebut

### Rahsia #3

Pernahkan anda melihat tulisan mereka yang tidak berputus asa dalam apa jua keadaan?

*This is going to require a great amount of money - If you want to buy or want to help you go a see Meadonard today for him to see. Like a gal long,*

Dapatkah anda melihat yang penulis ini seorang yang mempunyai azam yang kuat, kehendak yang tinggi dan bersemangat untuk mencapai cita-citanya?

Si penulis adalah seorang yang tidak mudah putus asa terutamanya dalam menghadapi rintangan dan halangan. Si penulis juga seorang yang memandang tinggi dirinya dan bercita-cita tinggi.

Ini ada kualiti-kualiti yang perlu dalam diri seorang yang berjaya. Adakah kualiti-kualiti ini dapat dilihat di dalam tulisan anda?

### Rahsia #4

Sijilnya menunjukkan dia berkeelayakan tetapi adakah ia benar-benar layak menjadi jurutera?

*the limit" and so forth. If you had been honest with me I would not have taken the job in the first place; but if I had taken it, I*

Si penulis mempunyai daya konsentrasi yang baik dan boleh fokus pada projek yang dilakukannya. Beliau juga memandang tinggi diri sendiri dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

Si penulis mengikut undang-undang yang ditetapkan dan boleh menyelesaikan projek dalam masa yang ditetapkan.

Beliau memahami masalah orang lain dan bersimpati terhadap kisah sedih. Walaupun begitu beliau akan membuat keputusan berdasarkan fakta dan logic.

Si penulis perlu memenuhi sifat ingin tahunya. Beliau boleh membina idea yang boleh digunakan daripada sepuluh idea lain atau daripada data yang dikumpulkan oleh orang lain.

Ya berdasarkan tulisannya beliau layak menjadi jurutera.